

Headline	NGO, kerajaan harus bersatu		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Aug 2014	Language	Malay
Circulation	178,211	Readership	534,633
Section	Dlm Negeri	Color	Black/white
Page No	5	ArticleSize	160 cm ²
AdValue	RM 2,085	PR Value	RM 6,255



NGO, kerajaan harus bersatu

KUALA LUMPUR 7 Ogos - Badan-badan bukan kerajaan (NGO) sahaja tidak mencukupi dalam usaha memboikot produk yang membantu kekejaman Yahudi di Gaza, sebaliknya sokongan padu daripada kerajaan juga amat penting bagi mencapai matlamat itu.

Menurut pensyarah Fakulti Ekonomi, Kewangan dan Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, **Prof. Amir Baharuddin**, kempen itu akan lebih berkesan jika ia melibatkan pihak kerajaan kerana mereka lebih berkuasa memberi kesan perniagaan yang ada kepentingan di Israel di sini.

"Contohnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang memberikan lesen kepada perniagaan yang ada kaitan dengan orang Yahudi. Kajian haruslah dilakukan bagi memastikan memang jelas mereka bersubahat dengan Israel.

"Jika betul ia memang ada kaitan dengan Israel, saya sokonglah usaha pemboikotan ini. Ini kerana, memboikot adalah usaha yang mudah dan ia tidak memerlukan kos. Cuma berapa lama kita boleh memboikot itu juga penentu kejayaan kempen ini," katanya ketika dihubungi di sini.

Selain komitmen yang ditunjukkan oleh banyak NGO terhadap isu boikot barangan yang ada kepentingan Israel, semua NGO juga harus bersatu dalam menjalankan kempen ini supaya tidak timbul kekeliruan berhubung latar belakang sesuatu produk yang diboikot itu.

Pensyarah Fakulti Ekonomi

dan Perniagaan, Universiti Malaysia Sarawak, **Prof. Dr. Shazali Abu Mansor** berkata, semua NGO yang menjalankan kempen ini seharusnya tahu produk apa yang sedang mereka boikot itu agar ia selaras dan berada di landasan yang betul.

"Saya memang sokonglah usaha memboikot produk Israel kerana matlamat kita adalah untuk menghentikan serangan Israel di Palestin. Tetapi setiap NGO harus pastikan betul-betul adakah produk yang mereka boikot itu ada kaitan dengan kepentingan Yahudi di Israel.

"Ini kerana ada juga NGO yang tidak menyokong boikot beberapa produk yang dilakukan oleh NGO lain dengan alasan ia adalah produk dari Amerika Syarikat dan cuma sedikit sahaja pemegang saham orang berbangsa Yahudi dalam perniagaan itu. Mereka menganggap ini kurang adil.

"Dalam isu ini pihak tertentu terutama kerajaan haruslah tampil memberi penjelasan tentang latar belakang sesuatu produk atau syarikat yang hendak diboikot itu supaya semua orang termasuk NGO faham dan memudahkan mereka bersatu menjalankan kempen ini," ujarnya.

Di samping melakukan usaha memboikot barangan, banyak lagi perkara lain yang juga penting dan mudah dilakukan terutama umat Islam yang harus diberi perhatian serta mampu pula memberi impak besar jika ia diadakan secara berterusan oleh semua pihak.